



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

BIL.66/ 2018

PAMERAN RANG DAFTAR PEMILIH TAMBAHAN SUKU KEDUA TAHUN 2018

1. Dalam tempoh urusan pendaftaran pemilih Suku Tahun Kedua Tahun 2018 (ST2/2018), Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) telah menerima sebanyak **73,808 permohonan pendaftaran pemilih baru** daripada warganegara yang layak dan **22,678** permohonan pertukaran bahagian pilihan raya daripada pemilih berdaftar.
2. Selaras dengan peruntukan Peraturan 13, Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002, Rang Daftar Pemilih Tambahan (RDPT) bagi **ST2/2018** akan **dipamerkan** selama **14 hari** mulai **31 Julai hingga 13 Ogos 2018** di **961** tempat-tempat pameran di seluruh Negara seperti di Lampiran.
3. Pemohon yang telah memohon untuk mendaftar sebagai pemilih baharu dan pemilih berdaftar yang memohon pertukaran bahagian pilihan raya mulai 1 April 2018 hingga 30 Jun 2018 dinasihatkan untuk menyemak nama mereka dalam Rang DPT ST2/2018. Sekiranya pemohon mendapati namanya tidak disenaraikan dalam Rang DPT ST2/2018, mereka boleh membuat **TUNTUTAN** melalui **Borang B**.
4. Bagi pemilih-pemilih berdaftar di satu-satu bahagian pilihan raya yang hendak membuat **BANTAHAN** ke atas kemasukan nama mana-mana orang di dalam Rang DPT ST2/2018 dalam satu-satu bahagian pilihan raya, boleh berbuat demikian, dengan mengisi **Borang C**.

5. Tuntutan atau Bantahan hendaklah dikemukakan kepada Pendaftar Pemilih (Pengarah Pilihan Raya Negeri) bagi kawasan pendaftaran yang berkenaan pada waktu pejabat pada mana-mana hari bekerja sepanjang tempoh pameran Rang DPT itu diadakan.

6. Semasa tempoh Pameran Rang DPT ST2/2018, SPR juga mempamerkan nama-nama pemilih yang akan dikeluarkan daripada daftar pemilih. Antara asas SPR mengeluarkan nama pemilih berkenaan daripada daftar pemilih ialah kerana mereka ini telah meninggal dunia atau hilang taraf kewarganegaraan berdasarkan peruntukan Peraturan 10 dan 25(2) Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002.

7. Sehubungan dengan itu, SPR menyeru kepada semua pemohon yang telah memohon untuk mendaftar sebagai pemilih baru dan pemilih berdaftar yang telah memohon pertukaran bahagian pilihan raya mulai 1 April hingga 30 Jun 2018 supaya membuat semakan nama mereka di tempat-tempat yang diwartakan.

8. Sebarang pertanyaan mengenai pameran Rang DPT ST2/2018 boleh menghubungi Ibu Pejabat SPR melalui nombor telefon **03-8892 7018** atau menghubungi mana-mana Pejabat Pilihan Raya Negeri. Pemohon juga boleh melayari portal SPR di www.spr.gov.my atau menerusi aplikasi telefon pintar **MySPR Semak** untuk menyemak senarai nama yang dipamerkan dalam Rang DPT ST2/2018.

Sekian, terima kasih.

DATO' MOHAMED ELIAS BIN ABU BAKAR
Setiausaha
Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) Malaysia

Tarikh: 30 Julai 2018 / 17 Zulkaedah 1439H